

02/03/2003

Pendidikan terus sehingga akhir hayat

NAM Selesai ... Banyak kenangan manis

Saya telah dijemput menghadiri empat, tiga - sebenarnya lima receptions, saya mahu bicara dua saja: keraian yang dihoskan oleh Presiden Sri Lanka,

Chandrika Bandaranaike Kumaratunga di kediaman Pesuruhjaya Tinggi, Daya Liyanage, dekat Tasik Titiwangsa agak kecil dan Presiden berpeluang beramah mesra dan berbual dengan setiap tetamu. Semua terasa VVIP!

Majlis yang dianjurkan Pesuruhjaya Tinggi India, Veena Sikri menghormati

Perdana Menteri, Atal Bihari Vajpayee di Mandarin Oriental dihadiri, mungkin paling ramai tetamu.

Sidang Kemuncak itu adalah satu peluang keemasan bagi mereka yang suka berbual-bual atau berjabat tangan dengan para pemimpin, atau ingin berada

di dewan jamuan bersama mereka pun dah seronok. Berpeluang dapat bergambar

bersama adalah satu bonus.

Dalam majlis itu, tidak ada apa yang tidak menyenangkan. Kawalan keselamatan di majlis Veena Sikri amat ketat tetapi tiada yang merungut. Beberapa wanita dapat membawa beg tangan (walaupun tas tangan dilarang).

Negara patut walaupun mahu angkat bakul sendiri: kita adalah hos yang baik dan murah hati. Itulah pendapat orang asing: dulu Persidangan Komanwel, lepas itu Sukan Komanwel, Apec dan minggu lepas, NAM dan akan datang OIC (Pertubuhan Persidangan Negara Islam) bulan Oktober. Kita hanya

belum jadi tuan rumah Sukan Asia dan Olimpik.

Malaysia di bawah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama 23 tahun telah mencapai banyak kejayaan. Saya telah menghadiri banyak persidangan antarabangsa termasuk 10 kali Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Perhimpunan Khas. Dari segi ketoleransi, hospitality dan keselamatan kita kata budak-budak sekarang bestlah!